



مَجْلِسُ كَامِلِ سَلَامَةٍ اِنْ عَادَةَ رَسْمِ مَلَايُو قَهَقْ
MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN KEBENARAN MEMUNGUT
DERMA KHAIRAT
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**

GARIS PANDUAN PERMOHONAN KEBENARAN MEMUNGUT DERMA KHAIRAT NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan ini dikeluarkan oleh MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG dan mula berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan.
- 1.2 Garis panduan ini menggariskan tatacara Permohonan Kebenaran Pungutan Derma Khairat di Negeri Pahang Darul Makmur.
- 1.3 Garis panduan ini terpakai bagi semua permohonan pungutan derma khairat tidak termasuk wakaf.
- 1.4 Mana-mana permohonan yang tidak mengikut / menepati syarat yang dinyatakan dalam garis panduan ini akan ditolak.

2. TUJUAN

- 2.1 Garis panduan ini bertujuan sebagai panduan tatacara permohonan Kebenaran Pungutan Derma Khairat Negeri Pahang Darul Makmur selaras dengan punca kuasa sebagaimana kehendak seksyen 86 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991.

3. TATACARA DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 3.1 Setiap permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Kebenaran Memungut Derma Khairat Negeri Pahang Darul Makmur (*BPD 21*) yang dialamatkan kepada **Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang**.
- 3.2 Pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut :-
 - a) Warganegara Malaysia ;
 - b) Berumur 18 tahun ke atas ;
 - c) Setiap permohonan hendaklah di buat oleh Agensi / Institusi / Pertubuhan yang berdaftar dengan pihak berkuasa ;

- d) Pemohon / penama yang dinyatakan mestilah tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah ;
- e) Permohonan bertujuan untuk pembangunan fizikal / prasarana ;
- f) Bagi permohonan selain daripada tujuan di para 3.2(e) di atas kelulusan permohonan adalah berdasarkan kepada pertimbangan Majlis dengan merujuk kepada kertas kerja yang dikemukakan.

3.3 Pemohon hendaklah melampirkan dokumen-dokumen berikut :-

- a) Kertas Kerja ;
- b) Surat Sokongan Al Fadhil Pegawai Agama Islam Daerah
(Mengikut lokasi projek/pembangunan fizikal yang hendak dijalankan) ;
- c) Surat Kebenaran Membina / Membaik Pulih / Mengubah Suai oleh Jabatan / Agensi berkaitan ;
- d) Surat Kebenaran Pemilik Tanah *(Jika berkenaan)* ;
- e) Maklumat berkaitan Penama Yang Menjalankan Kerja-Kerja Memungut Derma Khairat :-
 - i) Sekeping Gambar (Berukuran pasport) ;
 - ii) Salinan Kad Pengenalan ;
- f) Salinan Perakuan / Pengesahan Pendaftaran Agensi / Institusi / Pertubuhan *(Jika berkenaan)* ;
- g) Salinan Penyata Bank Bulan Terkini ;

3.4 Pemohonan Lanjutan Kebenaran Memungut Derma Khairat hendaklah melampirkan dokumen-dokumen berikut :-

- a) Surat Permohonan Lanjutan ;
- b) Salinan Penyata Bank Bagi Bulan Terakhir ;
- c) Laporan Kewangan Terkini ;
- d) Laporan Kemajuan Kerja Pembangunan fizikal / Prasarana.

4. TEMPOH KEBENARAN PUNGUTAN DERMA KHAIRAT

4.1 Tempoh pungutan derma khairat diberikan berdasarkan kepada perkara berikut:-

- a) Tujuan pungutan derma khairat ;
- b) Kos yang diperlukan.

5. TINDAKAN SETELAH KEBENARAN DIPEROLEHI

- 5.1 Pungutan derma khairat hendaklah dijalankan hanya kepada sesiapa yang ingin menderma secara sukarela sahaja dan tiada unsur paksaan atau ugutan.
- 5.2 Kebenaran ini hanya dibenarkan kepada pemungut-pemungut yang mana nama mereka tercatat dalam surat kebenaran sahaja.
- 5.3 Pemohon hendaklah mengeluarkan resit penerimaan wang mengikut susunan angka (bersiri) dan menggunakan borang khusus yang dibekalkan bagi derma khairat yang dipungut.
- 5.4 Resit yang dikeluarkan tidak boleh menggunakan perkataan WAKAF dan hanya menggunakan perkataan SUMBANGAN DERMA KHAIRAT sahaja.
- 5.5 Pemohon hendaklah menyimpan rekod kewangan kutipan derma khairat dan rekod perbelanjaan dengan betul.
- 5.6 Pihak Pentadbiran MUIP / Jabatan Agama Islam Pahang / Pejabat Qadhi Daerah berhak pada bila-bila masa untuk meminta rekod kewangan, keratan resit atau apa-apa yang berkaitan bagi tujuan pemeriksaan dan pengauditan.
- 5.7 Pemohon hendaklah mentadbir dan menggunakan derma khairat yang dipungut ini sebagaimana yang disyaratkan pada surat kebenaran yang dikeluarkan.
- 5.8 Permohonan bagi lanjutan tempoh kebenaran pungutan derma khairat hendaklah mengemukakan surat kepada pihak MUIP dan disertakan bersama dengan dokumen seperti di para 3.4.

5.9 Kebenaran pungutan derma khairat yang dikeluarkan adalah tertakluk kepada undang-undang / peraturan pihak berkuasa setakat mana-mana perkara yang berkenaan.

6. WANG PUNGUTAN YANG TIDAK DIBELANJAKAN

6.1 Sekiranya wang derma khairat itu tidak dibelanjakan, maka wang derma khairat tersebut hendaklah diserahkan kepada MUIP berdasarkan kepada seksyen 86 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991.

7. PEMBATALAN ATAU PENAMATAN

7.1 MUIP berhak menamatkan / membatalkan kebenaran pungutan derma khairat yang diberikan berdasarkan kepada sebab-sebab / alasan yang munasabah.

***Dato' Ahmad Hairi Bin Haji Hussain,
DIMP., SAP., AMP., PKC.,
Ketua Pegawai Eksekutif,
Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang.***

*Dikeluarkan pada : 20 Mei 2021
(M.U.I.PHG:100/116/1 JLD. 26)*

CARTA ALIR

PERMOHONAN KEBENARAN MEMUNGUT DERMA KHAIRAT NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

